

Sija semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO³ SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN ALBUM TERIMA KASIH GURU
DI SUNWAY LAGOON RESORT HOTEL, SUBANG JAYA
PADA HARI SELASA, 29 OGOS 2000
JAM 4.00 PETANG**

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada syarikat Anugerah Cemerlang (ACE) Sdn. Bhd. dan Ismeta Now Sdn. Bhd. yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan Album Nurshahila "Terima kasih Guru" dan Laman webnya www.Nurshahila.com.

2. Kita memang ketandusan album lagu-lagu yang menanam semangat patriotik yang diterbit, diedar dan dipasarkan secara meluas. Apatah lagi untuk melihat lagu-lagu yang mempunyai nilai-nilai murni ini, di promosikan secara besar-besaran sehingga mesejnya sampai kepada kumpulan sasar.
3. Oleh itu usaha yang telah dibuat oleh saudara N. D. Lala dari Syarikat Anugerah Cemerlang (ACE) Sdn. Bhd. menerbitkan album patriotik pelajar yang berjudul "Terima Kasih Guru" dengan tujuan untuk menanam semangat cintakan negara, cintai ilmu, cintai budaya, hormati dan menyayangi guru dan hormati dan menyayangi ibu bapa adalah baik dan patut diberi sokongan oleh semua pihak kerana ia selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan jati diri di kalangan rakyat Malaysia.
4. Dalam globalisasi dunia tanpa sempadan, kita hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Serangan ekonomi dan serangan budaya negatif begitu kuat melanda negara kita. Anak-anak kita, khususnya para pelajar turut terdedah kepada ancaman ini.
5. Apa yang berlaku di kalangan para pelajar dan konteks salahlaku di sekolah-sekolah seluruh negara amat membimbangkan. Unsur-unsur negatif seperti gangsterisma, dadah, peras ugut, menikam, mencederakan orang dan membakar sekolah telah meningkat di sekolah-sekolah. Ini mencerminkan bahawa semangat jati

diri, nilai murni dan akhlak yang mulia semakin menipis di kalangan pelajar. Alhamdulillah, saya difahamkan kalau berdasarkan statistik - setakat ini gejala salahlaku ini dari segi jumlahnya adalah kecil. Tetapi sekiranya sesuatu tindakan tidak dilakukan untuk menghentikan gejala ini, maka suasana pembelajaran akan terganggu. Di samping itu masa depan para pelajar akan terancam. Dengan itu harapan untuk melahirkan belia-belia yang berkualiti yang kelak bakal mewarisi kepimpinan negara akan musnah.

6. Manusia tidak akan melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap orang yang dihormati dan disayanginya. Manusia tidak akan memusnahkan orang atau sesuatu perkara yang disayanginya. Sebaliknya dia akan sentiasa menjaga, memelihara dan melindunginya.

7. Jika semangat dan perasaan ini berjaya disemai dan ditanam di dalam jiwa para pelajar, insya-Allah mereka tidak akan mencederakan orang dan memusnahkan harta benda. Seterusnya gejala salahlaku di sekolah-sekolah yang membimbangkan kita ini akan dapat dikurangkan.

8. Tanggungjawab mendidik dan menanam semangat jati diri di kalangan pelajar bukanlah tanggungjawab guru semata-mata. Ia menjadi tanggungjawab kita semua.

9. Ibu bapa, individu, pertubuhan, persatuan, pemimpin, jabatan-jabatan Kerajaan, swasta, badan-badan korporat dan institusi kewangan - semuanya boleh memainkan peranan. Dan pelbagai cara boleh dilakukan.

10. Oleh kerana telah terbukti muzik adalah salah satu elemen yang sangat berpengaruh dan berkesan bagi tujuan tersebut maka kelahiran album "Terima Kasih Guru" ini sangat sesuai dan bertepatan pada masanya.

11. Dengan adanya laman web Nurshahila pula saya percaya ia dapat menarik ramai pengunjung dari kalangan pelajar-pelajar untuk menjadikannya medan diskusi. Melalui laman web Nurshahila yang berkonsepkan dari pelajar kepada pelajar. Kita akan dapat melihat luahan perasaan dan pemikiran para pelajar melalui laman web ini.

12. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada syarikat Anugerah Cemerlang (ACE) Sdn. Bhd. yang menerbitkan album "Terima Kasih Guru" dan ISMETA Now Sdn. Bhd. yang mengendalikan laman web Nurshahila.

13. Dengan adanya sokongan daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Jabatan-Jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta, penaja-penaja, media cetak dan elektronik saya percaya album Nurshahila dan laman webnya akan berjaya mendapat sambutan yang menyeluruh.

14. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya melancarkan album Nurshahila "Terima Kasih Guru" dan Laman webnya www.Nurshahila.com.
